



KENYATAAN MEDIA**Untuk Siaran Segera**

Fuuuhhh! Jom Raya Kaw Kaw di atas puncak

Genting Highlands, 27 Mac 2024 – Perayaan Hari Raya tiba awal di atas puncak dengan kemeriahan di Resorts World Genting (RWG) yang kini dihiasi dengan dekorasi yang memukau untuk menonjolkan keindahan ikatan keluargaan dan warisan Melayu yang berlangsung dari sekarang hingga 14 April 2024!

Raya Kaw Kaw dengan hiasan Instagram-able

Nikmati keseronokan musim ini dengan hiasan yang menggabungkan elemen moden dan tradisional yang memukau di RWG, dengan warna-warna yang segar seperti hijau, biru kehijauan, merah jambu, dan kuning, serta rangkaian bunga yang mempesonakan. Saksikanlah kecantikan astaka kecil bergaya Moorish yang terletak di Kimhua Atrium, yang pastinya menarik perhatian dan sesuai untuk dikongsikan di Instagram. Ketupat bersaiz besar serta layang-layang dan wau tradisional berwarna-warni turut digantung di atas pusat perhatian yang menarik perhatian awam.

Persembahan dan hiburan perayaan

Pengunjung boleh nantikan hiburan menarik oleh para penari menghiasi pentas dengan Pertunjukan *Raya Raya Show* yang berlangsung setiap hari mulai jam 2:30 petang di Kimhua Atrium dari sekarang hingga 14 April.

Saksikan *Persembahan Meriah Raya* dan beramah mesra dengan maskot Ketupat kami pada jam 1:00 petang, 3:30 petang, 5:30 petang, dan 7:00 petang setiap hari di Kimhua Atrium dari 5 hingga 14 April. Dapatkan sampul duit Raya hijau bersama dengan baucar diskaun istimewa apabila anda berinteraksi dan mengambil gambar bersama penghibur kami!

Hero-hero Genting Highland yang bertemakan Raya akan turut menyambut dan berinteraksi dengan kanak-kanak di Kimhua Atrium pada jam 2:00 petang, 5:00 petang, dan 8:00 malam setiap hari dari sekarang hingga 14 April.

Bazar Mini Raya

Semasa anda menikmati suasana yang meriah, rasai pengalaman membeli-belah dan bawa pulang minyak wangi, pelbagai pilihan gula-gula, kuih tradisional, dan banyak lagi dari bazar mini raya *The Perfume Hub*, *Coffeepii*, *Pitapii*, *Travel for All* dan *DEI* yang terletak di Kimhua Atrium dari sekarang hingga 14 April. Terdapat disediakan sebuah sudut seni pasir bertemakan Raya

yang pastinya akan menghiburkan kanak-kanak yang riang sementara orang dewasa menikmati terapi beli-belah.

Hidangan Raya Super Jimat

Rayakan kegembiraan ikatan keluarga di puncak awan dengan hidangan yang lazat! Nikmatilah hidangan Set Raya Super Jimat yang terdiri daripada nasi impit, lemang, kuah kacang, sayur lodeh, ayam rendang, bergedil tauhu, dan banyak lagi dengan harga RM25 seorang, dengan minimum pesanan untuk 2 orang. Hidangan ini hanya tersedia di Jom Makan, SkyAvenue Aras G, dari 10 hingga 14 April 2024, bermula dari jam 12 tengah hari hingga 9 malam. Jom Makan Street Food, Aras 4, turut menawarkan set Nasi Ayam Panggang, Bubur Kacang Hijau, dan minuman sejuk dengan harga RM35, dari 10 hingga 14 April 2024.

Bawa pulang rasa tradisi dengan sentuhan inovatif dari Genting, seperti "Biskut Onde-Onde" dan "Kurma dengan Biskut Badam," dijual dalam kotak berisi 12 biji pada harga RM28 untuk ahli GRC dan RM35 untuk bukan ahli. Produk ini hanya dijual di kaunter Flavours of Genting di The Bakery dan lobi Hotel First World.

Masakan Istimewa Timur Tengah di Resorts World Awana

Jika anda berada di Resorts World Awana yang memukau, dikelilingi oleh hutan hujan bersama keluarga dan rakan-rakan, jangan lupa untuk singgah di AYU Awana untuk menikmati hidangan Nasi Arab Dulang, termasuk Lamb Shank yang lembut, sup ekor, Ikan Tilapia Panggang Arang, dan Ayam Lebanon Bakar yang mengundang kenikmatan rasa. Hidangan eksklusif ini hanya disajikan dalam menu makan malam Selera AYU mulai sekarang hingga 14 April, mulai dari jam 6:00 petang hingga 10:30 malam. Sempurnakan pengalaman gastronomi anda dengan hidangan sampingan yang lazat seperti Raita, Salsa Arab, nasi Kabsa yang harum, Sayur Panggang Lemon Tahini, dan pencuci mulut Arab seperti Balah El Sham dan Aish El Saraya. Tempahlah pengalaman untuk nikmati 'mezze platter' yang dikulinari khas untuk anda dengan menghubungi AYU Awana di 019 3903738.

Kenikmatan dari Pantai Timur, membangkitkan Nostalgia

Untuk hidangan bufet yang penuh tradisi, kunjungi gastronomi Melayu di bawah kepakaran Chef Eksekutif, Ahmad Rosnie, dan nikmati hidangan istimewa dari Pantai Timur, termasuk Kambing Bakar, Sup Aneka, Rendang Tok, Singgang Kelantan, Ayam Cincalok, Urab Nangka, serta Kuih Warisan Tradisional dalam hidangan bufet mewah di Jom Makan Awana dari sekarang hingga 9 April! Untuk tempahan, hubungi +603 64369000 Ext 7605 atau Whatsapp di +6012 3096 521 / +6017 7652 105 atau email ke awanafb@rwgenting.com.

Hiasan berinspirasi Raya di Atrium RWA

Atrium RWA mempelawa anda menerokai keindahan bunga ros putih, tumbuhan hiasan, dan tanaman hijau yang dipamerkan di petak logam berwarna putih gading bertentangan dengan Teres Golf, sempena musim Raya ini! Pameran hortikultur yang bertemakan perayaan ini amat

sesuai untuk dikongsi di Instagram dan pastinya akan menarik perhatian peminat alam sekitar, keluarga yang gemarkan alam semula jadi, dan penggemar fotografi!

Keseronokan bersama keluarga di Taman Tema Genting SkyWorlds!

Akhir sekali, nikmatilah aktiviti tarikan yang tiada tandingannya dan rasakan keindahan bersama orang-orang tersayang di Taman Tema Genting SkyWorlds, yang diiktiraf oleh CNN Travel sebagai salah satu taman tema baru terbaik di dunia! Nikmati kadar bermula dari serendah RM98 untuk tempahan atau jimat sehingga RM1,000 apabila anda membeli tawaran Beli Lebih Jimat Lebih melalui laman web dan aplikasi mudah alih Resorts World Genting, dari sekarang hingga 30 September! Rancanglah perjalanan awal dan dapatkan harga terendah yang dijamin apabila anda membuat tempahan dalam talian semasa musim yang sepi.

Terdapat banyak yang boleh dinikmati dan dimanfaatkan dengan terokai gerbang Raya di puncak awan! Jadi, ajaklah keluarga dan rakan-rakan baik anda untuk memeriahkan suasana bersama-sama di Resorts World Genting hari ini! Untuk maklumat lanjut, lawati rwgenting.com atau laman sosial rasmi RWG.

– Tamat –

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Ms. Melanie Ong

Assistant Manager
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6101 1118 ext: 59509
Email: melanie.ong@rwgenting.com

Ms. Lorehta Doreen Sritheran

Senior Executive
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9609
Email: lorehtadoreen.sritheran@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat rekreasi dan hospitaliti terkemuka di peringkat global. Ia tersenarai di Bursa Malaysia dengan nilai pasaran kira-kira RM16 bilion. Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan beberapa resort utama, antaranya Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City (RWNYC), Resorts World Catskills (RW Catskills), dan Resorts World Hudson Valley (dimiliki 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat (AS), serta Resorts World Bimini (RW Bimini) di Bahamas, Resorts World Birmingham (RW Birmingham), dan lebih daripada 30 kasino di United Kingdom (UK). Tambahan pula, Genting Malaysia juga memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di pulau Langkawi.

Dengan lebih kurang 10,500 bilik merangkumi tujuh hotel yang berbeza, Resorts World Genting (RWG) merupakan destinasi resort bersepadu utama di Malaysia. Resort ini menawarkan pelbagai kemudahan riadah dan hiburan, termasuk permainan, taman tema, tarikan hiburan, tempat makan, kedai runcit, serta pertunjukan antarabangsa dan fasiliti konvensyen perniagaan. Genting SkyWorlds, sebuah taman tema kelas pertama yang bertaraf dunia, menjadi tarikan utama yang menambah lagi kepelbagaian hiburan di RWG. Selain itu, Genting Highlands

Premium Outlets (sebuah usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) yang terletak di pertengahan bukit, melengkapkan tawaran premium RWG yang meluas dan menegaskan kedudukannya sebagai penyedia hiburan dan riadah terkemuka di rantau ini.

Genting Malaysia merupakan sebuah entiti dalam Kumpulan Genting, sebuah korporat multinasional terkemuka yang diiktiraf sebagai peneraju dalam pengurusan di Asia. Kumpulan Genting dikendalikan oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan berwawasan yang telah berjaya mencipta jenama Resorts World sebagai penggerak utama dalam sektor riadah dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat (AS), Bahamas, dan United Kingdom (UK). Tan Sri Lim Kok Thay turut memiliki pelaburan strategik dalam pelbagai industri di peringkat global, termasuk dalam sektor perladangan kelapa sawit, pembangunan harta tanah, penjanaan kuasa, minyak dan gas, pelayaran, serta bidang bioteknologi.